



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
23 MEI 2019 (KHAMIS)**



DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	RAJA, PEMIMPIN MERAFAK SEMBAH TAKZIAH
MUKA SURAT	8

AL-FATIHAH

Raja, pemimpin merafak sembah takziah

Perak, Selangor kibar bendera separuh tiang sehingga selesai istiadat pemakaman diraja

Oleh Rafidah Mat Ruzki, Shamsul Kamal Amarudin, Rohaniza Idris, Haika Khazi, Irwan Shafrihan Ismail, Fitri Nizam, Azzman Abdul Jamal dan Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Raja-Raja Melayu serta pemimpin kerajaan Persekutuan dan negeri, merafak sembah takziah kepada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustaffa Billah Shah atas kemangkatan Almarhum Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mus-

ta'in Billah, semalam.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim, menzahirkan rasa dukacita terhadap kemangkatan Sultan Ahmad Shah, menitahkan semua bendera di negeri itu dikibar separuh tiang sehingga selesai istiadat pemakaman jenazah.

Ucapan takziah juga dizahirkan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang turut menitahkan bendera Selangor dikibar separuh tiang bermula semalam hingga hari ini, manakala Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar menzahirkan salam takziah menerusi Facebook rasmi baginda.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail serta menteri Kabinet, Ketua Menteri dan Menteri Besar turut merafak sembah takziah kepada kepada Yang di-Pertuan Agong serta seluruh ahli keluarga dan kerabat diraja Pahang.

Pemimpin, kerabat diraja beri penghormatan terakhir

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu, antara lain menyoal Almarhum mendapat husnul khatimah dan roh baginda

dicurci rahmat Allah SWT. Ucapan takziah juga disampaikan pemimpin pembangkang.

Pemimpin negara dan kerabat diraja kemudian hadir memberi penghormatan terakhir kepada Almarhum di Istana Negara, antaranya Sultan Nazrin, Sultan Sharafuddin serta Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir.

Dr Mahathir ditemani isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dilihat memasuki pekarangan Istana Negara jam 3.55 petang dan meluangkan masa hampir sejam, selain Dr Wan Azizah yang hadir bersama suami, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

[FOTO BERNAMA]



Sultan Nazrin Shah bersama Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan berangkat memberi penghormatan terakhir kepada Almarhum Sultan Ahmad Shah di Istana Negara, semalam.

AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	KIBAR BENDERA SEPARUH TIANG
MUKA SURAT	6

Kibar bendera separuh tiang

KUALA LUMPUR 22 Mei - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah telah menitahkan supaya semua bendera negeri Selangor dikibarkan separuh tiang bermula hari dan esok.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari (**gambar**) berkata, ia sebagai tanda menghormati kemangkatan Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

“Merafak sembah takziah kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan seluruh rakyat negeri Pahang atas kemangkatan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.



“Menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan agar bendera negeri Selangor dikibarkan separuh tiang bermula hari ini dan hari esok sebagai tanda menghormati kemangkatan Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

“Semoga roh Almarhum mendapat husnul khatimah, dicucuri rahmat Allah SWT dan ditempatkan di syurga penuh nikmat,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah mangkat di Institut Jantung Negara (IJN) di Kuala Lumpur pada 8.50 pagi hari ini.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	SULTAN SAYANGI RAKYAT
MUKA SURAT	7

Sultan sayangi rakyat

Keperibadian Almarhum Sultan Ahmad Shah disenangi rakyat jelata

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Seluruh rakyat Pahang berduka dengan berita kemangkatan Almarhum Paduka Ayahanda Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah yang mangkat di Kuala Lumpur semalam.

Kemangkatan baginda yang sinonim dengan prinsip 'Raja dan Rakyat Berpisah Tiada' ibarat kehilangan seorang bapa yang memayungi rakyat jelata.

Prinsip itu dilihat begitu sehati dengan Almarhum Sultan Ahmad kerana baginda sentiasa menyantuni rakyat tanpa mengira masa.

Demikian gambaran betapa dekatnya Almarhum di hati rakyat Pahang sewaktu hayatnya.

Baginda sewaktu pemerintahannya selama 45 tahun telah memayungi negeri Tok Gajah ini dengan cukup prihatin terhadap nasib rakyatnya dan keperibadian itu terserlah merentasi sempadan masa dan usia baginda.

Baginda merupakan seorang raja yang sangat disegani rakyat kerana keperibadiannya yang merendah diri dan sentiasa mendampingi rakyat terutama apabila berlaku sesuatu bencana.

Tanpa mengira protokol dan darjat sebagai seorang yang berdarah diraja, baginda merupakan antara orang yang terawal akan 'menyinsing seluar' mencemar duli melawat daerah-daerah di Pahang setiap kali berlaku bencana terutama banjir, untuk menghulur bantuan dan berkongsi derita serta keluh kesah dengan rakyat.

Walaupun Pahang merupakan antara negeri yang kerap dilanda banjir setiap kali musim tengkujuh, namun baginda tidak pernah jemu untuk meranduk air, berhujan dan menaiki bot bagi membantu mangsa dan pernah mengerah tukang masak istana memasak untuk mangsa banjir di pusat-pusat pemindahan.

Bagi Almarhum Sultan Ahmad, rakyat adalah keutamaannya dan baginda yang lebih mesra membahaskan dirinya 'saya' juga sentiasa memantau pembangunan di Pahang dan tidak teragak-agak untuk menergur pihak yang terlibat jika menda-



KENANGAN... Almarhum Sultan Ahmad Shah berkata sesuatu kepada penghuni Taman Pengasih ketika Majlis Perasmian Taman Pengasih Sultan Haji Ahmad Shah Bandar Indera Mahkota. Di kanan baginda ialah Sultanah Kalsom.

pati sesuatu projek itu boleh membawa mudarat kepada rakyat.

Ini terbukti apabila Almarhum menzahirkan kemurkaan dan rasa dukacita terhadap aktiviti penerokan tanah secara haram untuk tujuan pertanian di Cameron Highlands pada November 2014.

Begitu juga semasa kejadian tanah runtuh di Kilometer 52.4, Lebuhraya Pantai Timur (LPT) pada November 2015, walaupun dalam keadaan keuzuran, baginda tetap turun padang melihat sendiri bencana itu dan mengarahkan penyelesaian dicari bagi mengelakkan masalah sama berulang.

Dalam kalangan pengamal media pula, baginda turut disayangi dan disenangi kerana sifat mesra baginda yang tidak keberatan untuk ditemubual setiap kali ditemui pada satu-satu majlis.

Keperibadian mulia baginda itu sesungguhnya banyak membantu dalam membangunkan negeri demi kesejahteraan rakyat.



Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah (kanan) bersama Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan berangkat bagi memberi penghormatan terakhir kepada Almarhum Sultan Ahmad Shah di Istana Negara semalam. Turut berkenan hadir, Sultan Johor Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar.



Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berbual dengan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali selepas memberi penghormatan terakhir kepada Sultan Pahang Kelima, Almarhum Sultan Ahmad Shah di Istana Negara.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	HARGAI PENGORBANAN IBU, WANITA
MUKA SURAT	24

Hargai pengorbanan ibu, wanita

KLANG – Masyarakat setempat digesa menghargai ibu dan wanita kerana pengorbanan mereka tidak ternilai harganya.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, sambutan Hari Ibu contohnya dapat memupuk serta menyemarakkan cinta dalam hubungan anak dan ibu.

“Program seperti ini memberi kesedaran kepada kita tentang kepentingan

sesebuah hubungan serta ikatan kasih sayang dalam kekeluargaan terutama pengorbanan seorang ibu dan wanita terhadap keluarga masing-masing.

“Ia juga dapat mengeratkan lagi kasih sayang antara ibu dan anak-anak,” katanya ketika berucap pada Program Sambutan Love Your Mom, Pamper Your Mom sempena Hari Ibu anjuran Centro Mall dan MPK, baru-baru ini.

Menurut beliau, tanggungjawab terhadap ibu tidak boleh dipandang ringan kerana ia membabitkan individu paling berharga dalam kehidupan kita.

“Gunakan sebaik mungkin peluang dan ruang yang ada terutama apabila insan keramat ini masih bernyawa.

“Walaupun tidak terbalas segala jasa dan pengorbanan mereka, cubalah sedaya upaya memberikan kebahagiaan.

“Ini bukan soal wang kerana mereka sebenarnya mengharapkan perhatian dan kasih sayang tidak berbelah bagi daripada anak. Oleh itu kita perlulah menghargai kasih sayang seorang ibu,” katanya.



Mohamad Yasid (dua dari kanan) merasmikan Program Sambutan Love Your Mom, Pamper Your Mom sempena Hari Ibu anjuran Centro Mall dan MPK, baru-baru ini.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	650 PENERIMA MANFAAT BAUCAR JOM SHOPPING
MUKA SURAT	24

650 penerima manfaatkan baucar Jom Shopping



Sebahagian penerima bantuan Jom Shopping Raya DUN Meru menunggu giliran mendapatkan baucar masing-masing baru-baru ini.

KLANG – Sambutan Aidilfitri kali ini lebih bermakna apabila seramai 650 penerima terdiri daripada asnaf, warga emas dan ibu tunggal di DUN Meru layak menerima bantuan baucar Jom Shopping.

ADUN Meru, Mohd Fakhurulrazi Mohd Mokhtar berkata, kerajaan negeri memperuntukan RM65,000 bagi DUN Meru untuk diagihkan kepada golongan berkenaan pada

tahun ini.

Menurut beliau, program berkenaan adalah salah satu usaha kerajaan negeri membantu golongan kurang berkemampuan membuat persiapan hari raya yang bakal menjelang tidak lama lagi.

“Walaupun jumlahnya kecil bagi sesetengah pihak, namun ia sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban penerima supaya dapat menyambut

lebaran kali ini dengan lebih bermakna bersama keluarga.

“Sebelum ini kerajaan negeri juga turut menawarkan baucar Jom Shopping kepada penerima dalam kalangan kaum Cina sempena sambutan Tahun Baharu Cina lalu,” katanya kepada Sinar Harian.

Katanya, inisiatif itu membuktikan keprihatinan Kerajaan Selangor terhadap golongan berkenaan.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	AHLI MAJLIS MPKj SUMBANG TONG SAMPAH
MUKA SURAT	33

Ahli Majlis MPKj sumbang tong sampah

BANGI – Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kajang, Nor Zulaila Abd Ghani telah menyumbangkan sebanyak lima buah tong sampah untuk diletakkan di padang Taman Kajang Raya, di sini baru-baru ini.

Menurut laman sosial Majlis Perwakilan Penduduk Zon 8 MPKj, sumbangan itu adalah hasil permintaan penduduk kepada MPKj, sebelum ini. Mereka berharap pihak berkenaan dapat menyediakan lebih banyak tong sampah supaya dapat diletakkan di sekitar padang untuk tujuan menjaga kebersihan.


Kawasan Rukun Tertangga Taman Kajang Raya men-

info

Lima buah tong sampah diletakkan di padang Taman Kajang Raya bagi memberi kemudahan kepada orang ramai

dakwa sejak pembinaan jogging track ia mendapat perhatian orang ramai untuk beriadah di padang itu.

Nor Zulaila bersama Ahli Parlimen Bangi Dr. Ong Kian Ming telah melawat padang tersebut bagi melihat pembinaan jogging track, projek itu juga disumbangkan melalui peruntukan Kian Ming.



Ong Kian Ming dan Nor Zulaila bersama penduduk ketika melawat padang di Taman Kajang Raya, baru-baru ini.

AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	FLOOD OF CONDOLENCE MESSAGES POUR IN FOR FAMILY
MUKA SURAT	6

Flood of condolence messages pour in for family

PETALING JAYA: Condolences poured in from all over the country following the death of the King's father, former Pahang Ruler Paduka Ayahanda Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad and his wife, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, conveyed their condolences to the Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah and the entire Pahang royal family.

"May his soul be blessed and placed among the pious," said a statement from the Prime Minister's Office.

Sultan Ahmad Shah breathed his last at the National Heart Institute at 8.50am yesterday. He was 88.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail also expressed her condolences to the entire Pahang royal family.

"My heartfelt condolences to the entire Pahang royal family over the passing of Paduka Ayahanda Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar at the



Solemn farewell: Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah accompanying Sultan Nazrin Shah (centre) and Sultan Sharafuddin Idris Shah to pay their last respects to the late Sultan Ahmad Shah at Istana Negara in Kuala Lumpur while (right) Dr Mahathir is accompanied by Economic Affairs Minister Datuk Seri Azmin Ali. — Bernama



National Heart Institute this morning," she tweeted.

Other Cabinet ministers who also expressed condolences via statements on their social media accounts included Foreign Minister Datuk Saifuddin Abdullah, Youth and Sports Minister Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, Defence

Minister Mohamad Sabu and Economic Affairs Minister Datuk Seri Azmin Ali.

Johor Ruler Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar expressed his condolences in a posting on his official Facebook page.

"My condolences over the demise of Paduka Ayahanda Sultan Haji

Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar 1930-2019.

"Surely we belong to Allah and to Him shall we return," he said.

The Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah has meanwhile ordered that the state flag be flown at half-mast until today.

This was announced by Menteri Besar Amirudin Shari in a statement that also offered condolences to the Yang di-Pertuan Agong and the people of Pahang.

"May his soul have a good closure in life, showered with God's blessings and placed in heaven full of bounty from God."

Perak Ruler Sultan Nazrin Muizzuddin Shah also ordered all flags to be flown at half mast until the royal burial ceremony is over.

This was announced by Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.

"Sultan Ahmad Shah has left behind many contributions as the fifth Pahang Sultan and seventh Agong. "He is a Sultan known for being close to the people, friendly and approachable by all," he said.

Former Prime Minister Datuk Seri Najib Razak also expressed his condolences to the King and the Pahang royal family.

"May his soul be blessed and placed among the pious," Najib said in a posting on his Facebook page.



AKHBAR	The Sun
TAJUK BERITA	Pahang to observe 40-day mourning period
MUKA SURAT	2

Pahang to observe 40-day mourning period

THE SUN
PAGE - 2

KUANTAN: The state of Pahang will observe a 40-day mourning period, with the state flag to be flown at half-mast, as a mark of respect to the passing of Paduka Ayahanda Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

State Secretary Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak said all forms of entertainment and celebrations will be prohibited until noon on Saturday.

Members of the Pahang royal family will observe 100 days of mourning, he added.

Sallehuddin said the cleansing and kafan ceremony for Sultan Ahmad Shah's remains was done at Istana Negara in the capital before being flown to Kuantan.

"The body will be taken to Istana Abu Bakar in Pekan and the public who wish pay their last respects can do so until 9am.

"The public is also allowed to perform funeral prayers either alone or in a congregation at the palace," he told a press conference at Wisma Sri Pahang yesterday.

Sallehuddin reminded those who wish to pay their last respects to dress appropriately in black, including scarves or shawls for women.

Members of the royal families and dignitaries can pay their last respects starting at 11am, he said.

"Then, the body will be taken to Sultan Ahmad Shah Mosque for funeral prayers, which will be led by Pahang Mufti Datuk Seri Abdul Rahman Osman, before being laid to rest at the Royal Mausoleum after Zohor prayers," he added.

Sallehuddin also confirmed that the Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, who is currently abroad, is scheduled to arrive at Istana Abu Bakar in the morning.

All surau and mosques in Pahang have also been asked to hold tahlil prayers for three consecutive nights.

Meanwhile, the Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah has ordered the state flag be flown at half-mast from yesterday until today.

This was announced by Menteri Besar Amirudin Shari in a statement yesterday, which also offered condolences to Al-Sultan Abdullah and the people of Pahang. "May his soul achieve good closure, showered with God's blessings and placed in heaven," he said. - Bernama



AKHBAR	Harian Metro
TAJUK BERITA	Sultan titah kan bendera Selangor dikibar separuh tiang
MUKA SURAT	14

Shah Alam H.M. m/s 14

Sultan titahkan bendera Selangor dikibar separuh tiang

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan supaya bendera Selangor dikibarkan separuh tiang bermula semalam hingga hari ini bagi menghormati kemangkatan Paduka Ayahanda Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah Al Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar.

Menteri Besar Selangor Amirudin Shari dalam satu kenyataan, turut menyampaikan ucapan takziah kepada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah serta seluruh rakyat Pahang.

AKHBAR	Harian Metro
TAJUK BERITA	Gambar DYMM Sultan Selangor
MUKA SURAT	11



RAJA Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah (kanan) berkenan mengiringi Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah dan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang berangkat bagi memberi penghormatan terakhir kepada Almarhum Sultan Ahmad Shah.



AKHBAR	NEW STRAITS TIMES
TAJUK BERITA	'Sultan Ahmad Shah has left us with a lot of fond memories'
MUKA SURAT	3

'Sultan Ahmad Shah has left us with a lot of fond memories'

NEW STRAITS TIMES - PAGE 3

PUTRAJAYA: Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad and his wife, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yesterday extended their condolences to Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah and the Pahang royal family over the passing of former sultan of Pahang Paduka Ayahanda Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Sultan Abu Bakar.

"May his soul be blessed and placed among the righteous," the Prime Minister's Office said in a statement.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail also extended her condolences via Twitter.

The Jalur Gemilang will be flown at half-mast nationwide as a mark of respect.

Chief Secretary to the Government Datuk Seri Dr Ismail Bakar said: "We extend our condolences to all Pahang royalty over the passing of Paduka Ayahanda Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Sultan Abu Bakar.

"In respect of his Royal Highness, the Malaysian flag would be flown at half-mast on Wednesday and Thursday."

The flags of Selangor and Perak will also be flown at half-mast.

"Our deepest condolences to the Yang di-Pertuan Agong and the people of Pahang over the passing of Paduka Ayahanda Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah," said Selangor Menteri Besar Amirudin Shari.

He said Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah had ordered all state flags to be flown at half-mast for two days (Wednesday and Thursday) as a mark of respect for the passing of the former Pahang ruler.

In **Ipo**, Sultan of Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah has ordered that all state flags be flown at half-mast until the end of Sultan Ahmad Shah's funeral today.

Perak Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu said Sultan Ahmad Shah had left a legacy of good deeds and services to the nation, state and people in his capacity as the fifth sultan of Pahang and the seventh Yang di-Pertuan Agong.

Known for his popular expression "nothing separates the ruler and his people" (*Raja dan rakyat berpisah tiada*), the late sultan had left his mark in many aspects, including religion, administration, military, education, culture, welfare and sports.

In **Johor Baru**, Sultan of Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar expressed condolences over the passing of Sultan Ahmad Shah.

Singer Datuk Seri Siti Nurhaliza Tarudin, in her Instagram post, described the late ruler as one

who cared for the people (*berjiwa rakyat*).

"The passing of Sultan Ahmad Shah is sad news for the people of Pahang and Malaysians, including myself. He was caring, approachable and liked by many.

"As someone from Pahang, I had the opportunity to perform for Almarhum Tuanku since my primary school days until I became an artiste.

"There are many meaningful memories of him that I will cherish forever."

In **Kuantan**, people mourned the passing of their former ruler.

Felda Bukit Goh resident Mat Zahari Deraman, 69, said he received news that the former ruler had passed away about 10am through a WhatsApp message. Since there was no confirmation, he dismissed it as rumours.

"When I heard the official announcement, I was sad. The former sultan had served the people of Pahang for a very long time. Many have fond memories of meeting him during his visits.

"Young and old, adults and children alike loved his presence and gentle character."

The former Felda Bukit Goh village headman said Sultan Ahmad Shah used to visit the settlers and listen to their problems.

Sometimes, he instructed officials to take action and resolve their issues.

Former journalist Diana Surya Abd Wahab, 38, said she was shocked to hear the news as the former ruler was approachable and never declined an interview when met during events.

"When he saw reporters waiting at an event, the former sultan would acknowledge us and ask if there were any questions for him.

"He would always provide concrete answers to our questions and gave us good stories."

Cleaner A. Shanti, 50, described the former sultan as caring as he went down to the ground to meet the rakyat, especially during disasters and floods.

"I remember him visiting flood relief centres in the state during the floods in his rubber boots and thick jacket. He was very friendly towards the children. He will be missed."

Football fan Abdullah Mamat, 40, said football and the former sultan were inseparable.

He said Sultan Ahmad Shah would drop by at Darul Makmur Stadium to watch matches between state teams and also greet the fans.

"I remember him coming to the stadium in a wheelchair and later going near the tracks to greet fans. He has left us with a lot of fond memories."